

# STPM Kertas 1 2016:

## Soalan 3

- (a) Nyatakan tiga alasan mengapa liabiliti diklasifikasikan kepada liabiliti semasa dan liabiliti jangka panjang. (3 markah)
- (b) Maklumat liabiliti Syarikat Merah Menyala Sdn. Bhd. pada 30 April 2014 adalah seperti yang berikut:

Butiran	RM
Akaun belum bayar	120,000
Pendahuluan daripada pelanggan	48,000
KWSP belum bayar	36,000
Belanja faedah terakru	16,000
Gadai janji	240,000
Nota belum bayar	160,000
Cukai belum bayar	57,000

Bayaran pendahuluan daripada pelanggan adalah untuk tempahan yang akan dipenuhi dalam masa tiga bulan akan datang. Kos KWSP dijangka akan dilibatkan dalam masa 12 bulan. Nota belum bayar akan dijelaskan sebanyak RM40,000 setahun. Ansuran pertama perlu dijelaskan pada penghujung bulan September 2014.

**Dikehendaki:**

Sediakan bahagian liabiliti bagi Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2014. (8 markah)

- (c) Pada 1 Mei 2014 Syarikat Biru Laut Sdn. Bhd. mengalami kekurangan tunai untuk menjelaskan akaun belum bayar yang berjumlah RM120,000. Berasaskan operasi pengeluaran sedia ada, pemulihan aliran tunai dijangka berlaku pada bulan September 2014. Walau bagaimanapun, syarikat perlu menjelaskan akaun belum bayar di atas dengan serta merta. Pihak pengurusan sedang mempertimbangkan dua alternatif untuk mendapatkan tunai dari dua sumber pembiayaan seperti yang berikut:

- (i) Menerbitkan nota 90 hari berkadar faedah 9% pada amaun RM120,000.
- (ii) Membuat pinjaman berjumlah RM120,000 untuk tempoh enam bulan pada kadar faedah 8%. Pinjaman perlu dibayar balik dengan enam bayaran ansuran yang sama amaunnya bermula pada awal bulan kedua selepas pinjaman dibuat. Kadar faedah dikira menggunakan kaedah baki berkurangan.

**Dikehendaki:**

- (i) Sediakan jadual pembayaran pinjaman dan faedah pinjaman bagi setiap sumber pembiayaan di atas. (6 markah)
- (ii) Cadangkan kepada pihak pengurusan sumber pembiayaan yang manakah yang wajar dipilih dengan memberikan hujah yang jelas. (3 markah)